



**KATA ALU-ALUAN
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah dan kurniaNya, kita dapat sekali lagi bersama-sama menyambut Hari Koperasi Sekolah (HKS) melalui Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) di seluruh negara bagi tahun 2017. Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, saya mengucapkan tahniah kepada ANGKASA yang sentiasa komited terhadap penganjuran program ini pada setiap tahun. Saya percaya sambutan sebegini memberi kesan yang besar kepada warga sekolah terutama murid-murid dalam memahami semangat, falsafah, nilai-nilai dan prinsip-prinsip koperasi dengan lebih berkesan.

Dalam konteks negara dan dunia global, pembentukan modal insan yang unggul merupakan satu keperluan. Penerapan konsep keusahawanan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam 11 Anjakan dan 6 aspirasi perlu diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan. Pencapaian akademik semata-mata tidak menjamin untuk murid-murid menjadi manusia yang berjaya. Mereka memerlukan satu tempat untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam bentuk latihan untuk mendapatkan pengalaman.

Koperasi sekolah merupakan satu tempat paling lengkap untuk menawarkan peluang kepada murid-murid belajar berniaga, menjadi usahawan, mentadbir dan mengurus serta mendapat kemahiran-kemahiran insaniah lain yang tidak diajar dalam bilik darjah. Malah penglibatan mereka dalam aktiviti koperasi sekolah mampu memperkukuhkan jati diri seperti bersatu padu, toleransi, persamaan, keadilan, tolong menolong, kreatif, inovatif dan berdaya maju serta sebagainya selaras dengan prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang menjadi pegangan koperasi.

Guru perlu memberi peluang dan ruang yang lebih luas kepada murid melalui konsep keusahawanan yang diterapkan dalam aktiviti koperasi. Koperasi sekolah adalah platform yang paling tepat dalam hal ini. Penerapan dan pendedahan kepada budaya dan nilai-nilai keusahawanan merupakan satu proses pembelajaran yang dapat membuka ruang dan minda murid supaya apabila dewasa kelak mereka mampu berdikari.

Aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh koperasi sekolah juga telah menunjukkan perkembangan positif dan membanggakan. 10 tahun yang lalu aktiviti lebih tertumpu kepada kepenggunaan, tetapi tetapi kini lebih pelbagai dan menjurus kepada bidang-bidang baharu yang lebih berdaya saing seperti pertanian, perkhidmatan, pelancongan dan penjagaan diri. Ini menunjukkan koperasi sekolah lebih kreatif dan inovatif dalam mencipta peluang-peluang baru perniagaan.

Komitmen daripada pelbagai pihak dan agensi seperti ANGKASA amatlah dialu-alukan bagi memastikan bidang pendidikan negara terus membangun serta kekal relevan dengan perkembangan pesat dunia pendidikan global.

Akhir kata, syabas diucapkan kepada seluruh warga sekolah yang berusaha gigih bagi memastikan Sambutan HKS melalui Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2017 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

“PENDIDIKAN ITU KEGEMBIRAAN, KEBAJIKAN, KETERBUKAAN”

(DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID)